

Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Pengetahuan terhadap Kemahiran Pelaksanaan KBAT dengan Faktor Kesediaan dan Sikap Guru dalam Mengimplementasikan KBAT ketika Sesi PdP sebagai Moderator: Satu Kajian di Daerah Johor Bahru

BITARA

Volume 5, Issue 2, 2022: 182-191
© The Author(s) 2022
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>
Received: 8 Mei 2022
Accepted: 27 Mei 2022
Published: 30 Jun 2022

[Mastery Level and The Relationship between Knowledge Towards The Implimentaion Ability of HOTs as The Teacher's Readiness and Attitute as Moderators in Implimenting HOTs during TnL Session: A Study in Johor Bahru District]

Ahmad Syafiq Yusof,^{1*} Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain¹ & Sakinah Ab. Rahim¹

1 Akademi Tamadun Islam, Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan, Universiti Teknologi Malaysia, 81310 Johor Bahru, Johor, Malaysia, MALAYSIA.
E-mail: syafiq1392@gmail.com

* Corresponding Author: syafiq1392@gmail.com

Abstrak

Pengimplementasian Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam sistem pendidikan negara bertujuan melahirkan generasi yang mampu berfikir di luar kotak agar dapat menyelesaikan masalah secara cermat dan bersaing secara global. Bagi mencapai hasrat ini, para pendidik memainkan peranan penting dalam membentuk dan memperkukuh KBAT dalam kalangan pelajar ketika sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) berlangsung. Sehubungan itu, para pendidik perlu menguasai KBAT bagi memastikan misi dan visi serta falsafah pendidikan negara tercapai. Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif dan dijalankan bertujuan menilai tahap penguasaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah menengah daerah Johor Bahru sekaligus melihat perkaitan antara tahap pengetahuan dengan kemahiran pelaksanaan KBAT ketika sesi pengajaran dan pembelajaran dengan faktor kesediaan dan sikap guru sebagai moderator. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap penguasaan guru terhadap KBAT adalah baik namun faktor moderator tidak signifikan dalam mempengaruhi tahap kemahiran pelaksanaan KBAT dalam kalangan responden.

Kata kunci: Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT), Pengajaran dan Pembelajaran (PdP), Guru Pendidikan Islam (GPI), Moderator.

Abstract

The implementation of Higher Order Thinking Skill (HOTs) in the national education system aims to produce young generation with the ability to think out of the box in order to solve problems carefully and able to compete globally. In achieving the target, educators play an important role to develop and strengthen HOTs among students during the teaching and learning (TnL) session. Hence, the educators should master the HOTs in achieving the mission and vision of national education philosophy. This study uses quantitative methods and was conducted to assess the mastery level of HOTs among Islamic Education Teachers in secondary schools around Johor Bahru district along with significant relationship between knowledge and ability to apply HOTs during TnL session as the teachers' readiness and attitude being the moderator factors. Findings statistically suggested that

the mastery level of HOTS were good meanwhile the moderator factors insignificantly affected the mastery level of HOTS among respondents.

Keywords: Higher Order Thinking skill (HOTS), Teaching and Learning (TnL), Islamic Teaching Teachers (GPI).

Cite This Article:

Ahmad Syafiq Yusof, Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Sakinah Ab. Rahim. (2022). Tahap Penguasaan dan Hubungan antara Pengetahuan terhadap Kemahiran Pelaksanaan KBAT dengan Faktor Kesiediaan dan Sikap Guru dalam Mengimplementasikan KBAT ketika Sesi PdP sebagai Moderator: Satu Kajian di Daerah Johor Bahru [Mastery Level and The Relationship between Knowledge Towards The Implimentaion Ability of HOTS as The Teacher's Readiness and Attitude as Moderators in Implimenting HOTS during TnL Session: A Study in Johor Bahru District]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 5(2): 182-191.

Pengenalan

Islam, agama *syumul* yang menyempurnakan cara hidup manusia (al-Qaradhawi, 2004). Islam bukan sekadar doktrin ibadah semata-mata (Fuller, 2012), sebaliknya merupakan garis panduan terhadap setiap aspek yang melorong kepada kesempurnaan dan kesejahteraan hidup manusia di dunia dan akhirat (Haron *et al*, 2003). Wahyu pertama yang diturunkan Allah SWT kepada Nabi Muhammad SAW untuk disampaikan kepada umat manusia adalah penyariatian untuk menuntut ilmu. Ilmu merupakan medium terulung kepada manusia untuk mengenal, beriman dan mendekatkan diri dengan Allah SWT (Ibn Hazm, 2004). Dalam proses memperoleh, menghadam, mengasimilasi dan mengamalkan ilmu, akal memainkan peranannya sebagai alat pemikiran yang merasionalkan setiap perbuatan atau tingkah laku manusia (al-Ghazali, 1989). Al-Ghazali (1989) menjelaskan proses pemikiran dengan membahagikannya kepada tiga peringkat iaitu *taakulan*, *tafakkur* dan *tadabbur*.

Peringkat *penaakulan* merupakan peringkat berfikir yang dirangsang menerusi lima deria fizikal iaitu sentuh, rasa, bau, dengar dan lihat. Ilmu neurosains moden memperinci proses ini sebagai penerimaan rangsangan yang merangsang sistem saraf simpatetik dan parasimpatetik yang berlaku di otak yang seterusnya membuahkan tingkah laku manusia. Sistem simpatetik merangsang respons lawan-atau-terbang (*fight-or-flight*) manakala sistem parasimpatetik merangsang respons sistem pencernaan dan proses lain yang bertujuan menyimpan tenaga bagi kegunaan dalam menghadapi situasi tersebut kemudiannya (Kalat, 2007). Misalnya, tindakan menekup telinga atau menyorok di bawah meja apabila terdengar bunyi kuat seperti letupan seiring dengan peningkatan degupan jantung.

Peringkat *tafakkur* merupakan tahap fikir-zikir iaitu melibatkan pemikiran dan perasaan. Peringkat ini lebih kompleks berbanding peringkat *penaakulan* yang mana dengan berfikir, individu sekaligus mengakui kekuasaan dan keagungan Allah SWT berlandaskan panduan wahyu (Rumaizuddin, 2005). Misalnya, bersyukur dengan rezeki yang diperoleh dan berkongsi dengan orang lain. Manakala ilmu sains moden yang merangkumi bidang psikologi, tingkah laku dan neurosains cuba memperinci proses pemikiran peringkat ini menerusi teori dan model kecerdasan emosi. Teori dan model kecerdasan emosi ini menjelaskan tentang rasional tindakan atau tingkah laku individu dengan keadaan atau situasi dirinya sendiri, orang lain dan persekitarannya (Fernandez-Berrocal & Extremera, 2006). Model kecerdasan emosi

dalam ilmu sains moden ini masih mengalami evolusi dari masa ke semasa berdasarkan penemuan-penemuan empirikal baharu (Cherniss *et al.*, 2006).

Menurut al-Ghazali (1989), manusia digalakkan berfikir dan memerhati tentang ciptaan Allah SWT. Hal ini membawa manusia kepada memahami dan yakin akan tanda-tanda kewujudan Allah SWT (Hamka, 2009). Pemikiran peringkat *tadabbur* merupakan peringkat paling kompleks yang mana pemikiran manusia dimanifestasikan menerusi amal ibadah sebagai tanda penyerahan dan pengabdian diri kepada kebesaran dan keagungan Allah SWT.

Berfikir merupakan proses wajib dalam kehidupan seharian manusia. Hal ini disebabkan kehidupan harian adalah berkaitan pilihan yang memerlukan manusia untuk membuat keputusan dan bertindak berdasarkan keputusan yang dibuat. Sehubungan itu, Islam membimbing manusia dalam membuat pilihan sekaligus mencapai keputusan (al-Qaradhawi, 2004). Selari dengan itu, sistem pendidikan negara menerapkan kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) pada setiap peringkat pengajian. Tindakan ini bertujuan melahirkan generasi muda yang mampu berfikir secara rasional, kreatif, kritis dan “di luar kotak” yang membolehkan mereka menyelesaikan masalah secara cermat kerana memerlukan analisis serta mampu bersaing secara global.

Dunia masa kini menyaksikan transformasi sistem pendidikan yang lebih efisien dengan implementasi kemahiran berfikir aras tinggi (KBAT) (Lela *et al.*, 2019). Transformasi ini sekaligus mempengaruhi sistem pendidikan negara (Talhah Ajmain & Marzuki, 2020) menerusi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013–2025 (PPPM 2013-2025), iaitu bagi melahirkan generasi yang mempunyai pemikiran kritis dan kreatif serta mampu untuk menganalisis, menilai dan mengaplikasi apa yang mereka pelajari dalam kehidupan seharian. Implementasi KBAT dalam sistem pendidikan secara tidak langsung dapat merangsang kreativiti individu dalam menyelesaikan masalah sebagai usaha mencapai matlamat serta mempertingkatkan kualiti hidup.

Latar Belakang Kajian

Kajian ini dijalankan bertujuan menilai tahap penguasaan KBAT dalam kalangan guru Pendidikan Islam (GPI) di sekolah-sekolah menengah kebangsaan daerah Johor Bahru. Di samping itu, kajian ini juga bertujuan untuk menilai signifikan hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran pelaksanaan KBAT oleh GPI dengan faktor kesediaan dan sikap GPI sebagai moderator. Selari dengan falsafah kurikulum Pendidikan Islam iaitu menghasilkan pelajar berilmu serta memperkembang daya fikir berpandukan al-Quran dan as-Sunnah (KPM, 2003). GPI memainkan peranan besar dalam memastikan implementasi KBAT dalam proses pengajaran dan pembelajaran (PdP) dilaksanakan dengan jaya supaya para pelajar dapat mengaplikasikan apa yang dipelajari dalam kehidupan seharian dengan efisien sejajar dengan *syariat* Islam. Selain itu, tahap penguasaan KBAT dalam kalangan guru adalah sederhana (Zaidir & Kamisah, 2017; Sivapakkiam *et al.*, 2016) menyebabkan matapelajaran Pendidikan Islam kurang diminati para pelajar untuk diikuti.

Tahap penguasaan KBAT yang kurang memuaskan ini adalah disebabkan pendekatan proses PdP secara tradisional yang kurang menitik berat kemahiran berfikir pelajar sedangkan kemahiran berfikir merupakan aspek utama dalam menguasai sesuatu kemahiran yang

sekaligus mempengaruhi pencapaian pelajar pada masa kini. Dalam hal ini, KBAT mampu mempengaruhi sikap dan pencapaian pelajar (Zamri, 2012). Selain itu, PdP yang tradisional cenderung kepada penggunaan kemahiran berfikir aras rendah (KBAR) dengan aktiviti lebih fokus kepada guru berbanding pelajar sedangkan KBAT memerlukan daya fikir yang tinggi dan konsep kerja yang praktikal selari dengan keperluan dan keadaan semasa pelajar seperti lawatan, lakonan, debat, amali, demonstrasi, simulasi, dan penyelesaian masalah (Ainol, 2015). Sehubungan itu, GPI perlu menguasai KBAT dalam memastikan keberkesanan PdP dalam merangsang kemahiran berfikir pelajar sekaligus menarik minat pelajar untuk mendalami ilmu agama Islam bagi menyempurnakan kehidupan harian mereka (Jannah *et al.*, 2015).

Aspek utama dalam menguasai KBAT ialah pengetahuan yang mendalam tentang KBAT. Kecetakan pengetahuan (Fatimah *et al.*, 2020; Nurliyana, 2015) serta memerlukan perlatihan KBAT yang berterusan (KPM, 2021) mempengaruhi keberkesanan KBAT dalam PdP sekaligus menjejaskan kualiti sistem pendidikan negara. Di samping itu, kesukaran GPI dalam menghubungkan dan menjelaskan tentang keagungan Allah dengan penemuan-penemuan saintifik baharu mempengaruhi kualiti pembinaan soalan tahap KBAT (Nurliyana, 2015; Sukiman *et al.*, 2012; Balakrishnan & Muhundhan, 2002). Hal ini disebabkan pembinaan soalan memerlukan maklumat yang banyak (Gopinat, 2013); perlu disesuaikan dengan keperluan dan keadaan semasa pelajar (Jannah *et al.*, 2015); serta menggalakkan pelajar untuk berfikir secara kreatif dan kritis (Shahabuddin *et al.*, 2003).

Selain pengetahuan, kemahiran dalam mengimplementasikan KBAT dalam PdP menjadi kayu ukur terhadap penguasaan KBAT oleh golongan pendidik. Tarmizi (2016), Jannah *et al.* (2015), serta Ab. Halim *et al.* (2004) menyatakan bahawa GPI masih belum menguasai kemahiran untuk melaksanakan KBAT dalam sesi PdP mereka. Pemantauan laporan kebangsaan oleh Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK, 2015) mendapati bahawa hampir 60% pengajaran GPI menggunakan sumber pendidikan yang bersifat tradisional seperti manila kad dan lembaran kerja; kurang menggunakan peralatan berorientasikan teknologi maklumat dan semasa seperti selari dengan kaedah pembelajaran abad ke-21 (PAK 21). Justeru, dalam memastikan kejayaan penerapan KBAT dalam sistem pendidikan negara khususnya bagi matapelajaran Pendidikan Islam, GPI perlu mempunyai pengetahuan yang mendalam serta berkemahiran untuk melaksanakan KBAT sepanjang sesi PdP.

Selain pengetahuan GPI terhadap KBAT, kesediaan dan sikap guru juga turut memainkan peranan terhadap kemahiran pengimplementasian KBAT sepanjang sesi PdP. Nurliyana (2015) serta Jannah *et al.* (2015) menyatakan bahawa, terdapat guru yang masih kurang bersedia berhadapan dengan pelaksanaan KBAT dan tidak mampu melibatkan para pelajar secara aktif dengan pelbagai aktiviti seperti simulasi sepanjang sesi PdP berlangsung. Kaedah simulasi merupakan satu kaedah yang dapat merangsang daya fikir pelajar (Md. Din, 2003) namun pendekatan ini kurang digunakan atas beberapa faktor. Antara faktor yang mengekang penggunaan kaedah simulasi semasa sesi PdP ialah proses yang kompleks iaitu memerlukan peralatan tertentu yang terpaksa disediakan sendiri oleh guru (Suhaimi & Razali, 2014). Isu kekangan masa merangkumi hal guru mengejar silibus, sibuk dengan urusan perkeranian (Norazlin, 2019; Munirah *et al.*, 2015) serta bilangan pelajar yang terlalu ramai sehingga tidak dapat fokus kepada setiap pelajar (Saido *et al.*, 2015). Selain itu, perancangan pengajaran yang kurang teratur (Nurharani *et al.*, 2018; Norakma *et al.*, 2015; KPM, 2014; Kamarul Azmi, 2011; Zakaria, 2011; Ab. Halim & Azman, 2010; Kamarul Azmi *et al.*, 2010)

serta contoh yang diberikan kurang berkaitan dengan isu semasa dan realiti semasa (Wardyawaty & Isa, 2020; Zakaria *et al.*, 2012; Ahmad Yunus, 2011). Semua ini, menyumbang kepada isu ketidak sediaan guru dalam melaksanakan KBAT terhadap para pelajar sepanjang sesi PdP.

Manakala terdapat sebilangan guru, sikap mereka tidak mencerminkan penghayatannya terhadap ajaran Islam mendatangkan keraguan dan lebih parah apabila para pelajar menolak didikan guru tersebut (Suhaimi & Razali, 2014). Sehubungan itu, kualiti dan sikap GPI seharusnya mencerminkan pemahaman dan penghayatan mereka terhadap agama Islam yang baik bagi memastikan pengajaran mereka berkesan ke atas para pelajar sekaligus membentuk sahsiah muslim yang patuh dan berjaya di dunia dan akhirat (Ab. Halim *et al.*, 2004). Di samping itu, sikap guru yang tidak berusaha mempertingkatkan mutu pengajaran seperti memilih dan selesa dengan kaedah pengajaran tradisional (Kamarul Azmi *et al.*, 2010) serta fokus kepada elemen baca, hafal dan penilaian peperiksaan turut mengekang keberkesanan KBAT dalam sistem Pendidikan.

Dapatan dan Perbincangan

Hasil analisis statistik deskriptif menunjukkan bahawa tahap penguasaan KBAT dalam kalangan GPI adalah baik dengan faktor pengetahuan, kesediaan, sikap dan kemahiran melaksanakan KBAT ketika PdP menunjukkan nilai min masing-masing ialah 4.26, 4.31, 4.35 dan 4.26. Hasil analisis ditunjukkan seperti dalam Jadual 1 yang berikut:

Jadual 1: Tahap Penguasaan KBAT Guru Pendidikan Islam (GPI)

Faktor	Min	Sd
Pengetahuan	4.26	0.41557
Kesediaan	4.31	0.42282
Sikap	4.35	0.49732
Kemahiran Pelaksanaan	4.26	0.46691

Dapatan ini menunjukkan bahawa terdapat peningkatan terhadap penguasaan KBAT dalam kalangan guru. Seiring dengan perkembangan semasa, para pendidik mempunyai pengetahuan yang lebih baik terhadap KBAT sekaligus lebih mahir untuk mengaplikasikannya ketika sesi PdP (Ismail *et al.*, 2016; Rosnanaini *et al.*, 2011; Rosnani, 2003). Selain itu, pendedahan tentang KBAT menerusi penyertaan kursus, bengkel atau latihan turut menyumbang kepada peningkatan pengetahuan (KPM, 2021) sekaligus merangsang kemahiran pelaksanaan KBAT dalam kalangan guru (Talhah Ajmain, 2018). Hasil analisis turut menunjukkan bahawa responden mempunyai tahap kesediaan dan sikap yang positif dalam melaksanakan KBAT sepanjang PdP. Penggunaan alat bantu mengajar serta penyediaan rancangan pengajaran yang rapi dan teliti (Nurasyikin, 2017) menyumbang kepada keberkesanan pelaksanaan KBAT dalam sesi PdP dengan penglibatan aktif pelajar sekaligus memacu kejayaan inovasi sistem pendidikan negara. Menurut Talhah Ajmain (2018), penyertaan guru dengan pelbagai kursus, bengkel atau latihan yang berkaitan dengan KBAT

membantu guru mempertingkatkan tahap kesediaan mereka untuk melaksanakan KBAT sepanjang sesi PdP. Walau bagaimanapun, sikap yang positif terhadap penerapan dan pelaksanaan KBAT turut menyumbang kepada kejayaan pengimplementasi KBAT ketika sesi PdP dan sistem pendidikan (Sener *et al.*, 2015). Ringkasnya, golongan pendidik semakin menguasai kemahiran KBAT dari masa ke semasa; menjelaskan bahawa warga pendidik berada pada landasan yang betul dalam menjayakan implementasi KBAT dalam sistem pendidikan negara.

Manakala hasil analisis regresi yang dijalankan secara statistiknya mencadangkan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan dengan kemahiran pelaksanaan KBAT ketika sesi PdP dalam kalangan GPI. Sebaliknya, faktor kesediaan dan sikap GPI yang merupakan moderator kajian tidak signifikan dalam mempengaruhi hubungan antara faktor pengetahuan dengan kemahiran pelaksanaan KBAT ketika sesi PdP dalam kalangan GPI.

Jadual 2: Hubungan Pengetahuan, Kesediaan dan Sikap GPI dengan Kemahiran Pelaksanaan KBAT

Faktor	Sig.
Pengetahuan	0.001
Pengetahuan*Kesediaan	0.745
Pengetahuan*Sikap	0.552
R ²	0.497
F	41.562

Kesemua faktor yang dikaji menyumbang sebanyak 49.7% terhadap kemahiran pelaksanaan KBAT oleh GPI. Angka ini mencadangkan bahawa terdapat faktor lain yang tidak dikaji dalam kajian ini memainkan peranan penting yang mempengaruhi kualiti implementasi KBAT dalam PdP guru Pendidikan Islam.

Manipulasi faktor kesediaan dan sikap sebagai moderator dalam mempengaruhi hubungan antara pengetahuan dengan kemahiran pelaksanaan KBAT adalah tidak berkesan. Sebaliknya terdapat hubungan yang signifikan antara setiap faktor moderator dengan kemahiran pelaksanaan KBAT secara langsung apabila analisis korelasi Pearson dijalankan sebagai pengesahan terhadap dapatan kajian. Signifikan hubungan antara faktor kesediaan dan sikap guru dalam mengimplementasikan KBAT secara langsung dengan kemahiran pelaksanaannya ketika sesi PdP secara statistiknya telah dibuktikan menerusi kajian-kajian lepas seperti yang dijalankan oleh Ismail *et al.* (2016); Ismail, Pusphavalli dan Omairah (2009) Kajian-kajian ini antara lain mendapati bahawa kesediaan dan sikap guru yang komited dengan menyediakan bahan dan kaedah pengajaran yang menarik serta penggunaan alat bantu mengajar berjaya menarik perhatian pelajar untuk terlibat aktif sepanjang sesi PdP sekaligus merangsang kemahiran berfikir pelajar.

Secara dasarnya, kajian ini secara statistiknya membuktikan bahawa terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengetahuan dengan kemahiran pelaksanaan KBAT. Walau bagaimanapun, hubungan antara faktor kesediaan dan sikap sebagai moderator adalah tidak signifikan dalam mempertingkatkan kemahiran pelaksanaan KBAT oleh responden sedangkan faktor-faktor ini secara langsung didapati signifikan dalam mempengaruhi kemahiran pelaksanaan KBAT berdasarkan kajian-kajian lepas. Sehubungan itu, kajian lanjut perlu

dijalankan dengan melibatkan saiz sampel yang lebih besar supaya kejituan dapatan kajian lebih tepat sekaligus dapat digeneralisasikan dengan lebih tepat kepada populasi guru di negara ini.

Kesimpulan

Kesimpulannya, pengetahuan yang mendalam merupakan elemen penting dalam mempertingkatkan kemahiran guru untuk melaksanakan KBAT ketika sesi PdP. Kajian ini juga mendapati bahawa, sikap dan kesediaan guru berbeza dengan dapatan kajian yang lepas. Pengkaji mencadangkan perlu dijalankan kajian lanjutan yang lebih mendalam dengan menggunakan metodologi kualitatif pula dalam kajian berikutnya serta dijalankan ke atas pelbagai daerah dan negeri yang lain agar hasil dapatan lebih menyeluruh. Ironinya berdasarkan dapatan ini, pihak sekolah dan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) perlu lebih cakna dalam menyediakan kursus, bengkel mahupun latihan kepada para guru untuk memperkasa pengetahuan dan kemahiran KBAT mereka. Program-program seperti ini sekaligus dapat membangun modal insan yang terlibat secara langsung dalam merealisasikan misi, visi serta falsafah pendidikan negara.

Rujukan

- Ab Halim Tamuri & Khairul Azman AJuhary. 2010. Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam berkesan berteraskan Konsep "Mualim". *Journal Islamic and Arabic Education*, 2(1): 43-56.
- Ab. Halim Tamuri, Adnan Yusop, Kamisah Osman, Shahrin Awaluddin, Zamri Abdul Rahim & Khadijah Abdul Razak. 2004. Keberkesanan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Islam ke Atas Pembangunan Diri Pelajar. Laporan akhir projek penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Ahmad Tarmizi. (2016). Kualiti Guru Pendidikan Islam Sekolah Menengah di Daerah Seberang Prai Utara Pulau Pinang. Tesis Sarjana. UKM.
- Ahmad Yunus Kasim. 2011. Pengetahuan Pedagogikal Kandungan (PPK) Pengajaran Akidah Guru Cemerlang Pendidikan Islam: Satu Kajian Kes. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Ahmad, N. Lela., Sho, S. L., Ab Wahid, H., & Yusof, R. (2019). Kepentingan Amalan Pengajaran dan Pembelajaran Abad 21 Terhadap Pembangunan Pelajar. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 4(28), 37-51.
- Ainol Madziah. 2015. Aspek Penilaian dan Pentaksiran bagi KBAT & Kemahiran Insaniah. Seminar, Muzakarah Pakar: Pembentangan Kajian Keberkesanan Pendidikan Islam. IKIM.
- al-Andalusi, Ibn Hazm. 2004. *Moral Behaviour in Islam*. New Delhi: Adam Publisher and Distributers.
- Balakrishnan, G. 2002. Penilaian Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Secara Kreatif Dan Kritis (KBKK) dalam Mata Pelajaran Sejarah KBSM Tingkatan 4: Satu Kajian Kes di Daerah Tampin dan Rembau Negeri Sembilan. Kertas Projek Sarjana Pendidikan, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi

- Cherniss, C., Extein, M., Goleman, D. & Weissberg, R. P. 2006. Emotional Intelligence: What Does Thw Research Really Indicate?, *Educational Psychologist*, 41(4), 239 – 345.
- Fatihah Osman, Talhah Ajmain & Wan Hassan. (2020). Kefahaman Guru Pendidikan Islam Tentang Kemahiran Pemikiran Kritis dalam Pembelajaran Abad Ke-21. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*, 5(29), 130-140.
- Fernandez-Berrocal, P. & Extremera, N. 2006. Emotional Intelligence: A Theoretical and Empirical Review of Its First 15 Years of History, *Psicothema*, 18, 7 – 12.
- Fuller, G.E. (2012). *A World Without Islam*. New York: Back Bay Books.
- al-Ghazali. 1989. *Keutamaan Berfikir*. Terj. Achmad Sunarto. Jakarta: Pustaka Amani.
- Gopinat A/L Muthy. 2013. Aras Penyoalan dan Pemikiran dalam Proses Pembelajaran Bahasa Melayu Murid Sekolah Rendah. Tesis Sarjana Linguistik. Fakulti Bahasa dan Linguistik Universiti Malaya Kuala Lumpur.
- Hamka. 2009. *Falsafah Ketuhanan*. Shah Alam: Pustaka Dini Sdn. Bhd.
- Haron Din, Hassan Salleh, Sulaiman Yasin dan Sidi Ghazalba. 2003. *Manusia dan Islam (edisi khas)*. Bangi: Penerbit UKM Press.
- Ismail Mustapa, Pusphavalli A. R, & Raja Gopal P,. 2016. Kegunaan dan Amalan Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Semasa Praktikum Fasa II. Seminar Penyelidikan Pendidikan Kebangsaan (SPPK).
- Jannah Hassan, Nooriza Kassim, Safani Bari, Effandi Zakaria, Norshidah Salleh. 2015. Infusi Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Matematik Murid Bermasalah Penglihatan. Seminar Internasional Pendidikan Khas Pasca Siswazah UKM-UPI-UNESASEAMEO SEN Siri ke-5.
- Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti Kementerian Pendidikan Malaysia. 2015. Laporan Kebangsaan Tahun 2014, Pemeriksaan Khas KBAT.
- Kalat. 2007. *Biological Psychology* (9th edn). Belmont: Thomson Wadsworth.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Izham Hamzah. 2010. Faktor Pentadbir dan Pengetua dalam Kecemerlangan Guru Cemerlang Pendidikan Islam dan Guru di Sekolah Menengah: Satu Kajian Kes. *JIAE: Journal of Islamic and Arabic Education*, 2(1): 13-20.
- Kamarul Azmi Jasmi, Ab. Halim Tamuri & Izham Hamzah. 2011. Kajian Kes Penggunaan Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran Guru Cemerlang Pendidikan Islam (GCPI) Sekolah Bandar dan Luar Bandar: Satu Kajian Perbandingan. *Jurnal Teknologi*, 56: 179-198.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. 2021. Laporan Kajian Penerapan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran dan Pembelajaran Bagi Kurikulum Bersepadu Dini (KBD) dan Kurikulum Bersepadu Tahfiz (KBT). Bahagian Pendidikan Islam, KPM 2021.
- Md. Din, Abd. Ghafar. 2003. *Prinsip dan Amalan Pengajaran*. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors
- Mohamad Zaidir Zainal Abidin & Kamisah Osman. 2017. Tahap Pengetahuan, Pemahaman, Kemahiran dan Pelaksanaan Guru Sains Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). *Journal of Advanced Research in Social and Behavioural*, 8(1): 97-113.
- Mohd. Rumaizuddin Ghazali. 2005. *Minda Hadhari*. Petaling Jaya, Selangor: Tradisi Ilmu Sdn. Bhd.

- Muhammad Talhah Ajmain @ Jima'ain & Ahmad Marzuki Mohamad. 2020. Konsep Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Menurut Ibnu Khaldun dalam Konteks Pengajaran dan Pemudahcaraan (PdPc). *Jurnal Dunia Pendidikan*, 2(2): 146-157.
- Munirah Othman, Syawal Aamran & Saemah Rahman. 2015. Kebimbangan dan Efikasi Kendiri Pelajar dalam Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT). Seminar Kebangsaan Pendidikan Negara Kali ke 5 (SKEPEN2015).
- Norakma Daud, Abdul Razak Ahmad, Noria Munirah Yakub. 2015. Pembelajaran Berteraskan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) Di dalam Pengajaran dan Pembelajaran Mata Pelajaran Sejarah. Proceeding: 7th International Seminar on Regional Education, 5-7 November 2015.
- Norazlin Mohd Rusdin & Siti Rahaimah Ali. 2019. Amalan dan Cabaran Pelaksanaan Pembelajaran Abad Ke-21. Proceedings of the International Conference on Islamic Civilization and Technology Management; 23-24.
- Nurasyikin Abd. Rahman. 2017. Penilaian Tahap Kefahaman Tentang Rancangan Pengajaran Harian dalam Kalangan Pelajar Universiti Pendidikan Sultan Idris. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan dan Pembangunan Manusia Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nurharani Selamat, Nor Saidatul Rajeah Zamzam Amin, Anita Isa, Sheela Nair Gopala Nair, Nurhafizah Abdul Musid, Miftahuljanah Kamaruddin, Sofian Azmi Tajul Arus & Susilawati Ehsan. 2019. Kajian Penilaian Middle Years International Baccalaureate Programme (MYPIB) Tahun 2018. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan*, 20; 1-11.
- Nurliyana Abd Halim. 2015. Pengetahuan, Sikap dan Kesian Pelajar Terhadap Kemahiran Berfikir Aras Tinggi dalam Pembelajaran Pemahaman Bacaan. Tesis sarjana. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Omairah Omar. 2009. Making a Difference Through School-Based Curriculum Innovation. Paper 1: Teachers' Questioning Techniques and Their Potential in Heightening Pupils' Inquiry. International Conference on Primary Education (HKIEd) Proceedings. Curriculum Development and Innovation by Schools and Teachers. Punggol Primary School. Singapore.
- al-Qaradawi, Yusuf. 2004. *Konsep Islam: Solusi Utama bagi Umat*. Jakarta: Senayan Abadi Publishing.
- Rosnanaini Sulaiman, Maimun Aziz & Mok Soon Sang. 2011. *Kemahiran Berfikir*. Puchong, Selangor: Penerbitan Multimedia.
- Rosnani Hashim & Suhailah Hussein. 2003. *The Teaching of Thinking in Malaysia. 1st edn*. Kuala Lumpur: Research Centre, International Islamic University Malaysia.
- Saido, G. M., Siraj, S., Nordin, A. B., & Al Amedy, O. S. 2015. Higher Order Thinking Skills among Secondary Students in Science Learning. *The Malaysian Online Journal of Educational Science*. 3(3): 13-20.
- Sener, N., Turk, C., & Tas, E. 2015. Improving Science Attitude and Creative Thinking Through Science Education Project: A Design, *Implementation and Assessment*. *Journal of Education and Training Studies*, 3(4): 57-67.
- Shahabuddin Hashim, Rohizani Yaakub & Mohd Zohir Ahmad. 2003. *Pedagogi – Strategi dan Teknik Mengajar dengan Berkesan*. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd.

- Sivapakkiam a/p Ramasamy, Fadzilah Abd. Rahman, Habsah Ismail, Umi Kalthom Abdul Manaf, Rozita Radhiah Said. 2016. Teachers' Levels of Knowledge and Interest on Higher Order Thinking Skills (HOTs) According to the Field Taught and Category of Schools. *Journal of Modern Education. Review*, 6(9): 611–621.
- Suhaimi & Razali Hassan. 2014. Pelaksanaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Pengajaran Pendidikan Islam Berasaskan Kaedah Simulasi. Prosiding, Wacana Pendidikan Islam Peringkat Kebangsaan Siri Ke-10 (Wpi10).
- Sukiman Saad, Noor Shah Saad & Uzi Dollah. 2012. Pengajaran Kemahiran Berfikir Aras Tinggi: Persepsi dan Amalan Guru Matematik Semasa Pengajaran dan Pembelajaran di Bilik Darjah. *Jurnal Pendidikan Sains & Matematik Malaysia*, 2(1): 18-36.
- Talhah Ajmain. 2018. Penguasaan Kemahiran Berfikir Aras Tinggi (KBAT) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam di Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Wardyawaty Rajikal1, Mohd Isa Hamzah. 2020. Kajian Sistematis Pengajaran Abad Ke-21 (PAK21) dalam Kalangan Guru Pendidikan Islam (GPI). *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2): 103-113.
- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail & Noranizah Yusuf. 2012. Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*; 155-172.
- Zamri Mahamood & Nor Razah Lim. 2011. Kepelbagaian Kaedah Penyoalan Lisan dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu: Kaedah Pemerhatian. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu* 1(1): 51-65.
- Zamri Mahmud. 2012. *Inovasi P&P dalam Pendidikan Bahasa Melayu*. Tanjung Malim: Universiti Pendidikan Sultan Idris.